

21.11.2020

Siaran Media

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa
Ketua Pegawai Eksekutif
PBA Holdings Bhd dan PBAPP.

PBAPP SELESAIKAN MASALAH AIR DI SEBERANG PRAI SELATAN DALAM 24 JAM.

- **Aduan orang ramai mengenai “tiada bekalan air” dan “tekanan air rendah” di Seberang Prai Selatan (SPS), mulai jam 7.00 malam pada 12.11.2020, BUKAN disebabkan oleh kerja-kerja berjadual PBAPP. Aduan ini berkaitan dengan masalah bekalan air yang tidak berjadual.**
- **PBAPP mendapati “air lock” di saluran paip utama. Setelah “air lock” dilepaskan, perkhidmatan bekalan air dipulihkan di semua kawasan yang terjejas, mulai jam 8.30 pagi 13.11.2020.**

PULAU PINANG, Sabtu, 21.11.2020: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menyelesaikan masalah bekalan air tidak berjadual di Seberang Prai Selatan (SPS) dalam masa 24 jam.

Petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk gangguan bekalan air tidak berjadual yang melibatkan saluran paip antara 200 dan 600mm adalah 36 jam. KPI ini terpakai untuk semua pemegang lesen perkhidmatan bekalan air di Semenanjung Malaysia.

PBAPP ingin menjelaskan bahawa masalah bekalan air di Seberang Prai Selatan baru-baru ini TIADA berkaitan dengan kerja-kerja berjadual PBAPP. Tiada gangguan bekalan air berjadual pada malam perayaan Deepavali. Oleh itu, notifikasi awal kepada umum adalah tidak relevan dan tidak berkemungkinan dalam kes ini.

Harap maklum bahawa PBAPP TIDAK “memotong air tanpa notifikasi”, seperti yang dinyatakan dalam laporan akhbar yang diterbitkan oleh *China Press* pada 15.11.2020.

Malah, PBAPP memberi respons kepada aduan daripada ramai pengguna air, bermula jam 7.00 malam pada 12.11.2020. Sifat aduan diringkaskan dalam jadual berikut:

“Tiada Bekalan Air”	“Tekanan Air Rendah”
• Seruling Emas, Jawi	• Sungai Duri Permai, Jawi
• Sungai Duri Permai, Jawi	• Sungai Duri Indah, Jawi
• Widuri, Jawi	• Nibong Tebal Area
• Taman Nibong Jaya, Nibong Tebal	

Pada mulanya, kakitangan PBAPP memeriksa semua saluran paip utama di kawasan yang terjejas, tetapi tiada kejadian paip pecah yang menyebabkan masalah tersebut.

Siasatan selanjutnya menunjukkan peningkatan penggunaan air pada 11.11.2020 menyebabkan pam air di rumah pam Wellesley dan Sungai Duri terhenti secara automatik apabila air tidak mencukupi untuk mengepam.

Usaha dimulakan oleh kakitangan PBAPP untuk mengalihkan bekalan air ke rumah pam ini.

Kakitangan PBAPP kemudian bekerja semalaman untuk membersihkan “air lock” di saluran paip 450mm di sepanjang Jalan Sungai Duri. Kerja-kerja selesai pada jam 12.30 pagi 13.11.2020.

Pada jam 8.00 pagi 13.11.2020, PBAPP menemui satu lagi “air lock” berhampiran saluran saluran paip bekalan air utama ke Taman Nibong Jaya. Udara dilepaskan melalui pencucian hidran dan bekalan air dipulihkan di kawasan tersebut mulai jam 8.30 pagi.

Sebagai solusi jangka panjang, PBAPP merancang untuk mengkonfigurasi semula sistem rangkaian bekalan air sedia ada ke Seberang Perai Selatan untuk mencapai tekanan agihan yang lebih baik dalam tempoh 3 bulan.

Terima kasih.

Dikeluaerkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

Email

:

syarifah@pba.com.my